

FAMOTIN TABLET

Famotidine (40mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Famotin*
2. Bagaimana *Famotin* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Famotin*
4. Cara menggunakan *Famotin*
5. Semasa menggunakan *Famotin*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Famotin*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Famotin*

Ia digunakan untuk ulser usus, pencegahan atau ulangan ulser usus, ulser perut yang bukan kanser dan sindrom Zollinger-Ellison. (lebihan acid dalam perut akibat ketumbuhan).

Bagaimana *Famotin* berfungsi

Famotidine menghalang rembesan asid dan enzim perut. Ia juga menghalang tindakan lain histamina dalam perut. Ia digunakan dalam keadaan di mana halangan rembesan asid adalah memanfaatkan.

Sebelum menggunakan *Famotin*

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil *Famotin* jika ada alasan kepada bahan aktif dan tidak aktif yang terkandung dalam *Famotin*.

- Sebelum menggunakan *Famotin*

Berhati-hati jika anda seorang warga tua atau mempunyai masalah fungsi buah pinggang

Penggunaan dan keselamatan pada kanak-kanak belum dipastikan lagi.

Mengandung dan menyusukan anak

Penggunaan di kalangan wanita hamil tidak digalakkan kecuali amat diperlukan. Penggunaan di kalangan ibu yang menyusukan anak tidak digalakkan kerana kehadiran famotidine dalam susu ibu. Minta nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum guna.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan *Famotin*

- Berapa banyak harus digunakan

Ulser usus: Mula dengan 40mg sehari waktu tidur untuk 4 – 8 minggu. Pencegahan atau ulangan ulser usus: 20mg waktu malam.

Ulser perut bukan kanser: 40mg sehari waktu malam untuk 4 – 8 minggu. Sindrom Zollinger-Ellison: Mula dengan 20mg Setiap 6 jam. Keadaan serius: sehingga 160mg setiap 6 jam.

Penyelarasian dos perlu untuk keadaan fungsi buah pinggang sederhana hingga serius. Dos perlu dikurangkan ke setengah dos biasa dan kekerapan dipanjangkan ke setiap 36 – 48 jam jika berlaku kesan pada sistem saraf pusat.

- Bila perlu digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan *Famotin*

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan *Famotin*. Beritahu doktor dengan segera jika anda jadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi *Famotin* kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami sebarang kesan semasa mengambil ubat ini.

Kesan-kesan sampingan

Kesan sampingan *Famotin* jarang berlaku dan hilang jika dos dikurangkan atau hentikan penggunaan ubat. Kesan yang paling biasa adalah cirit-birit, pening, keletihan, sakit kepala dan ruam.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan *Famotin*

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet bulat, putih, dwicembung dan berskor atas. ‘PRIME’ tertera pada permukaan dan ‘40’ pada permukaan lain.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: famotidine
- Bahan tidak aktif: lactose monohydrate, cornstarch, magnesium stearate dan croscarmellose sodium

- Nombor MAL

MAL19973013AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.

1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini

18/08/2017

Nombor siri

NPRA(R4/1)170817/00219